



MAJLIS PERBANDARAN JASIN
VISTA ALAMANDA
77000 JASIN
MELAKA

Telefon : 06-3333333 (samb: 2200)
Pejabat Am : 06-5291245 / 5291811
Faks : 06-5293537
E-mel : info@mpjasin.gov.my
Portal Rasmi : www.mpjasin.gov.my

IKLAN JAWATAN KOSONG **MAJLIS PERBANDARAN JASIN**

Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan dan keutamaan diberikan kepada anak Negeri Melaka yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan di Majlis Perbandaran Jasin.

BIL.	JAWATAN	GRED	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	BIL. KEKOSONGAN	TARAF JAWATAN
1.	Pegawai Perancang Bandar dan Desa	J41	RM2,529.00	RM9,643.00	1	TETAP
2.	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran	U29	RM1,797.00	RM5,753.00	2	TETAP / KONTRAK
3.	Penolong Akauntan	W29	RM1,498.00	RM5,678.00	1	TETAP
4.	Penolong Jurutera (Elektrik)	JA29	RM1,549.00	RM5,701.00	1	TETAP
5.	Penolong Pegawai Senibina	JA29	RM1,549.00	RM5,701.00	1	TETAP
6.	Pembantu Penguat Kuasa	KP19	RM1,360.00	RM4,052.00	4	TETAP
7.	Pembantu Tadbir (P/O)	N19	RM1,352.00	RM4,003.00	5	TETAP
8.	Pemandu Kenderaan	H11	RM1,353.00	RM4,005.00	2	TETAP
9.	Pembantu Awam	H11	RM1,218.00	RM2,939.00	2	TETAP

CARA-CARA MEMOHON:

- (a) Semua permohonan hendaklah dibuat secara atas talian melalui Sistem Permohonan Jawatan Kosong MPJ sepenuhnya dengan melayari <https://bit.ly/PermohonanJawatanMPJ072024>.

- (b) Iklan Jawatan Kosong ini juga boleh dicapai dengan melayari Laman Web Rasmi Majlis Perbandaran Jasin (<http://www.mpjasin.gov.my>).
- (c) Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia dan keutamaan diberikan kepada anak kelahiran Negeri Melaka.
- (d) Pemohon mestilah memenuhi syarat lantikan yang telah ditetapkan dalam skim perkhidmatan bagi jawatan yang dipohon sebelum memohon jawatan. Skim Perkhidmatan boleh dirujuk dengan klik pada pautan iklan jawatan kosong di Laman Web Rasmi MPJ.
- (e) Permohonan secara dalam talian ini hendaklah disertakan dengan **gambar terkini berukuran pasport, salinan Kad Pengenalan, salinan Sijil Kelahiran, salinan Sijil Berhenti Sekolah, salinan Sijil Kelayakan Akademik dan salinan sijil-sijil yang berkaitan** bagi menyokong permohonan jawatan ini. Sila pastikan setiap dokumen yang dimuat naik tersebut hendaklah **DISAHKAN**.
- (f) Ijazah / Diploma / Sijil yang diberi pengiktirafan oleh Kerajaan Malaysia sebelum Januari 2017 boleh disemak menerusi Sistem Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam (eSisraf) melalui capaian <http://www2.mqa.gov.my/esisraf>, manakala Program yang diberi pengiktirafan Kerajaan mulai Januari 2017, boleh disemak pada Daftar Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Register, MQR) melalui capaian <http://www2.mqa.gov.my/mqr/> dan melampirkannya bersama borang permohonan.
- (g) Pegawai-pegawai Kerajaan / Badan-badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan yang sedang berkhidmat dikehendaki membuat permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bab A dan melampirkan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang telah dikemas kini serta Laporan Penilaian Prestasi 3 tahun yang terkini.
- (h) Tarikh tutup permohonan adalah pada **8 Julai 2024 (Isnin)**.
- (i) Permohonan yang berikut akan ditolak sekiranya: -
 - i. Tidak disertakan dokumen yang diperlukan;
 - ii. Tidak lengkap;
 - iii. Tidak memenuhi syarat-syarat dalam iklan.

CATATAN

- (a) Hanya calon-calon yang berkelayakan dan berjaya melepasi tapisan akan dipanggil untuk temu duga.
- (b) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan setelah ditemu duga / selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan / temu duga hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Pihak Majlis Perbandaran Jasin berhak memilih mana-mana calon yang difikirkan layak dan bersesuaian. Keputusan adalah **muktamad**.
- (d) Pentadbiran Majlis tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temu duga.

**SYARAT-SYARAT LANTIKAN JAWATAN
MAJLIS PERBANDARAN JASIN**

Jawatan 1 – Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J41

Skim Perkhidmatan	: Pegawai Perancang Bandar dan Desa
Jabatan	: Majlis Perbandaran Jasin, Melaka
Kumpulan Perkhidmatan	: Pengurusan dan Profesional
Klasifikasi Perkhidmatan	: Kejuruteraan
Gred Jawatan	: J41
Jadual Gaji	: RM2,529.00 (Minimum) – RM 9,643.00 (Maksimum)

Syarat-syarat:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan memiliki kelayakan seperti berikut;
 - (i) Ijazah Sarjana Muda Perancang Bandar dan Wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred J41: RM 2,529.00); atau
 - (ii) Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang geografi, ekonomi, sains sosial, antropologi atau perangkaan yang diiktiraf oleh Kerajaan serta Ijazah Sarjana atau diploma lepasan ijazah dalam bidang perancangan bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred J41: RM 2,529.00); atau
 - (iii) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam serta Ijazah Sarjana atau Diploma Lepas Ijazah dalam bidang perancangan bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji permulaan ialah pada Gred J41: RM 2,736.00); atau
 - (iv) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina serta Ijazah Sarjana atau Diploma Lepas Ijazah dalam bidang perancangan bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred J41: RM 2,944.00).
- (c) calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Jawatan 2 – Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29

Skim Perkhidmatan	: Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran
Jabatan	: Majlis Perbandaran Jasin, Melaka
Kumpulan Perkhidmatan	: Pelaksana (Skim Perkhidmatan Bersepadu)
Klasifikasi Perkhidmatan	: Perubatan dan Kesihatan
Gred Jawatan	: U29
Jadual Gaji	: RM 1,797.00 (Minimum) – RM 5,753.00 (Maksimum)

Syarat-syarat :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan memiliki kelayakan seperti berikut;
 - (i) Diploma dalam bidang kesihatan persekitaran yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan ialah pada Gred U29 : RM1,797.00);
- (d) calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan Yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Syarat Tambahan :

Calon perlu mempunyai pengalaman dalam bidang berkaitan jawatan ini sekurang-kurangnya tiga (3) tahun.

Jawatan 3 – Penolong Akauntan Gred W29

Skim Perkhidmatan	: Penolong Akauntan
Jabatan	: Majlis Perbandaran Jasin, Melaka
Kumpulan Perkhidmatan	: Pelaksana
Klasifikasi Perkhidmatan	: Kewangan
Gred Jawatan	: W29
Jadual Gaji	: RM 1,498.00 (Minimum) – RM 5,678.00 (Maksimum)

Syarat-syarat :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan memiliki kelayakan seperti berikut;
 - (i) Sijil dalam bidang pengajian perniagaan atau penyimpan kira yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred W29 : RM1,511.00); atau
 - (ii) *Certified Accounting Technician (CAT)* yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred W29 : RM1,511.00); atau
 - (iii) Diploma dalam bidang pengajian perniagaan, kewangan, perbankan atau perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred U29 : RM1,776.00); atau
 - (iv) *Licentiate of The Chartered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom* dalam bidang kewangan yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred W29 : RM2,002.00);
- (d) calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Syarat Tambahan :

Calon perlu mempunyai pengalaman dalam bidang berkaitan jawatan ini sekurang-kurangnya tiga (3) tahun.

Jawatan 4 – Penolong Jurutera (Elektrik) Gred JA29

Skim Perkhidmatan : Penolong Jurutera (Elektrik)
Jabatan : Majlis Perbandaran Jasin, Melaka
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana (Skim Perkhidmatan Bersepadu)
Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan
Gred Jawatan : JA29
Jadual Gaji : RM1,549.00 (Minimum) – RM5,701.00 (Maksimum)

Syarat-syarat :

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan memiliki kelayakan seperti berikut;
 - (i) Sijil dalam bidang kejuruteraan (elektrik) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29 : RM1,549.00); atau
 - (ii) Diploma dalam bidang kejuruteraan (elektrik) yang diiktiraf setaraf oleh Kerajaan daripada institut pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29 : RM1,935.00);
- (c) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Syarat Tambahan :

- (a) Hanya calon yang memiliki Sijil / Diploma dalam bidang kejuruteraan (elektrik) yang diiktiraf oleh Kerajaan atau Politeknik Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf.
- (b) Calon perlu mempunyai pengalaman dalam bidang berkaitan jawatan ini sekurang-kurangnya tiga (3) tahun.

Jawatan 5 – Penolong Pegawai Senibina Gred JA29

Skim Perkhidmatan	: Penolong Pegawai Senibina
Jabatan	: Majlis Perbandaran Jasin, Melaka
Kumpulan Perkhidmatan	: Pelaksana (Skim Perkhidmatan Bersepadu)
Klasifikasi Perkhidmatan	: Kejuruteraan
Gred Jawatan	: JA29
Jadual Gaji	: RM1,549.00 (Minimum) – RM5,701.00 (Maksimum)

Syarat-syarat :

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan memiliki kelayakan seperti berikut;
 - (i) Sijil dalam bidang seni bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29 : RM1,549.00); atau
 - (ii) Diploma dalam bidang seni bina yang diiktiraf setaraf oleh Kerajaan daripada institut pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29 : RM1,935.00);
- (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Syarat Tambahan :

- (a) Memiliki Sijil dalam bidang senibina yang diiktiraf oleh Kerajaan atau Politeknik Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf: atau
- (b) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta kepujian dalam subjek Pendidikan Seni Visual, Lukisan Geometri atau Lukisan Kejuruteraan pada peringkat peperiksaan tersebut.
- (c) Calon perlu mempunyai pengalaman dalam bidang berkaitan jawatan ini sekurang-kurangnya tiga (3) tahun

Jawatan 6 – Pembantu Penguat Kuasa Gred KP19

Skim Perkhidmatan	: Pembantu Penguat Kuasa
Jabatan	: Majlis Perbandaran Jasin, Melaka
Kumpulan Perkhidmatan	: Pelaksana
Klasifikasi Perkhidmatan	: Keselamatan dan Pertahanan Awam
Gred Jawatan	: KP19
Jadual Gaji	: RM 1,360.00 (Minimum) – RM 4,052.00 (Maksimum)

Syarat-syarat :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan memiliki kelayakan seperti berikut;
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Gaji Permulaan ialah pada Gred KP19 : RM1,360.00); atau
 - (ii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan. (Gaji Permulaan ialah pada Gred KP19 : RM1,360.00); atau
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf selaras dengannya. (Gaji Permulaan ialah pada Gred KP19 : RM1,416.00); atau
 - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf selaras dengannya (Gaji Permulaan ialah pada Gred KP19 : RM1,473.00); atau

dan (c) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

- (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
- (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
- (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
- (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja)
- (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat;

- (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar
- (d) calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Syarat Tambahan :

Calon perlu mempunyai pengalaman dalam bidang berkaitan jawatan ini sekurang-kurangnya tiga (3) tahun.

Jawatan 7 – Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi) Gred N19

Skim Perkhidmatan : Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi)
Jabatan : Majlis Perbandaran Jasin, Melaka
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan
Gred Jawatan : N19
Jadual Gaji : RM 1,352.00 (Minimum) – RM 4,003.00 (Maksimum)

Syarat-syarat :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan memiliki kelayakan seperti berikut;
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Gaji Permulaan ialah pada Gred N19 : RM1,352.00); atau
 - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf selaras dengannya. (Gaji Permulaan ialah pada Gred N19 : RM1,408.00); atau
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf selaras dengannya (Gaji Permulaan ialah pada Gred N19 : RM1,465.00); atau
- (c) calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Syarat Tambahan :

Calon perlu mempunyai pengalaman dalam bidang perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana.

Jawatan 8 – Pemandu Kenderaan Gred H11

Skim Perkhidmatan	: Pemandu Kenderaan
Jabatan	: Majlis Perbandaran Jasin, Melaka
Kumpulan Perkhidmatan	: Pelaksana
Klasifikasi Perkhidmatan	: Kemahiran
Gred Jawatan	: Gred H11
Jadual Gaji	: RM1,218.00 (Minimum) – RM 2,939.00 (Maksimum)

Syarat-syarat :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan memiliki kelayakan seperti berikut;
 - (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
 - (ii) lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
 - (iii) berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:

- Lesen D : RM 1,264.00
- Lesen E/E1/E2 : RM 1,310.00
- Lesen F/H : RM 1,356.00
- Lesen G/I : RM 1,403.00

- (c) calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Jawatan 9 – Pembantu Awam Gred H11

Skim Perkhidmatan	: Pembantu Awam
Jabatan	: Majlis Perbandaran Jasin, Melaka
Kumpulan Perkhidmatan	: Pelaksana
Klasifikasi Perkhidmatan	: Kemahiran
Gred Jawatan	: Gred H11
Jadual Gaji	: RM1,218.00 (Minimum) – RM 2,939.00 (Maksimum)

Syarat-syarat :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan memiliki kelayakan seperti berikut;
 - (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred N11 : RM1,218.00).
- (c) calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.